

pekan teater kebangsaan 1999

MASUK PERCUMA

TARIKH : 15 - 20 NOVEMBER 1999
MASA: 8.30 MALAM

TEMPAT
AUDITORIUM TUANKU ABDUL RAHMAN
MATIC, JALAN AMPANG
KUALA LUMPUR

ANJURAN

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA




DENGAN KERJASAMA

MAJLIS TEATER KEBANGSAAN (TEMA)
DAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)

TUJUAN

- MENYEDIAKAN RUANG DAN PELUANG KE ARAH PEMBANGUNAN SENI TEATER TANAH AIR
- MELAHIRKAN KUMPULAN TEATER YANG MANTAP DAN PEKA TERHADAP KEPERLUAN PERSEKITARAN SELARAS DENGAN HASRAT PEMBANGUNAN NEGARA
- MENYEDIAKAN RUANG PERKEMBANGAN TEATER SEBAGAI SATU MEDIA KEBUDAYAAN YANG BERKESAN
- MENYALURKAN MESEJ KEMANUSIAAN
- MEMBANGUNKAN SATU TRADISI BERTEATER UNTUK TUJUAN PENDIDIKAN MASYARAKAT MALAYSIA

SEKAPUR SIREH



Kegiatan budaya dan seni merupakan suatu asas kukuh ke arah memupuk jati diri sebagai rakyat Malaysia dan bagi menyerapkan nilai-nilai murni yang unggul ke arah pembentukan suatu negara maju pada tahun 2020 akan datang.

Dalam hal ini, persembahan teater merupakan suatu perantara bagi falsafah dan pemikiran masyarakat dapat dibawa ke hadapan khalayak untuk diberi penafsiran dan penelahan di samping terhibur dengan seni lakonan. Teater juga merupakan

saluran bagi memaparkan dan meningkatkan keupayaan artistik dan kreativiti penulis skrip, pengarah dan para aktivitis itu sendiri.


Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya kegiatan budaya dan seni ini dipupuk berterusan, bermula dari peringkat awal sekolah rendah lagi. Kesenambungan dalam kegiatan ini sehingga mereka memasuki alam dewasa akan dapat menjamin ujudnya suatu bangsa yang bertamadun dan kaya dengan adab sopan yang tinggi.

Sehubungan itu, adalah diharapkan aktivis-aktivis teater akan terus berusaha menghasilkan karya-karya agung yang boleh menjadi lambang ketamadunan bangsa Malaysia pada suatu masa nanti.

Akhir kata, saya mengucapkan syukur kehadrat Illahi atas petunjuk-Nya untuk kita semua meneruskan usaha-usaha gigih bagi membentuk suatu masyarakat yang diredai di negara yang kita cintai ini.

Sekian, terima kasih.

Ikhlas,


DATO' ABDUL KADIR BIN HJ. SHEIKH FADZIR
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
Malaysia

SEULAS PINANG



Saya melafazkan syukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan kehendak-Nya, kita dapat meneruskan suatu kegiatan seni yang berupaya membentuk kewajaan diri, menjelmakan keupayaan artistik dan kreativiti yang cemerlang serta mengolah isu-isu masyarakat melalui pementasan teater, kesemuanya kearah mengujudkan suatu bangsa yang berakhlak mulia dan berbudi tinggi.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan amat prihatin terhadap perkembangan teater tanah air di mana sejak 10 tahun yang lalu, telah secara berterusan menganjurkan pertandingan


teater dari peringkat negeri ke peringkat zon dan akhirnya ke peringkat kebangsaan. Lebih daripada 100 kumpulan teater telah turut serta dalam pertandingan ini di peringkat negeri.

Sesungguhnya, saya amat kagum dengan minat dan iltizam para penggiat teater dalam memperjuangkan dan memperkembang seni teater tanah air. Pihak kementerian akan berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan kualiti persembahan kesenian melalui bengkel teater dan latihan yang akan diadakan dari semasa ke semasa. Kerjasama yang diberikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Majlis Teater Kebangsaan Malaysia (TEMA) amatlah dihargai dan sentiasa dialu-alukan.

Saya mengucapkan syabas kepada enam kumpulan Teater yang telah berjaya ke peringkat akhir. Pertandingan di pelbagai peringkat ini tidak akan berjaya tanpa kerjasama yang erat dari pihak Kerajaan Negeri, Pejabat Kebudayaan Kesenian Negeri, ahli-ahli panel dan khalayak teater setempat. Saya juga tidak lupa kepada sumbangan pihak korporat dan dermawan yang tidak pernah jemu untuk terus membantu kumpulan-kumpulan teater amatour ini pada setiap tahun, agar mereka dapat menghasilkan persembahan yang bermutu untuk menyertai pertandingan ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Penganjur dan Bahagian Kebudayaan serta pegawai-pegawainya atas kerjasama dalam menjayakan pertandingan teater ini sejak beberapa tahun yang lalu. Saya berharap usaha yang baik ini dapat diteruskan demi perkembangan teater tanah air.

Sekian. Selamat berteater.


DATO' ISKANDAR DZAKURNAIN BIN BADARUDIN
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

SEPAJAH KATA



Saya mengucapkan syukur kehadhrat Allah S.W.T. kerana diberi penghormatan untuk menyampaikan sepatah dua kata sempena Pekan Teater Kebangsaan 1999.

Bidang teater tanah air menampakkan suatu perubahan yang menggalakkan. Teater kini diterima oleh semua lapisan masyarakat sebagai suatu wadah seni yang berupaya mendidik ke arah meningkatkan keupayaan berfikir dan menganalisis isu-isu semasa serta memberi penafsiran kepada mesej yang ingin disampaikan oleh penulis-penulis terkenal melalui skrip teater mereka. Pada masa

yang sama, usaha memperkenalkan serta memupuk persembahan teater di peringkat sekolah dipergiatkan supaya golongan pelajar dapat memanfaatkannya bagi membentuk sahsiah diri yang mulia dan menjauhkan diri daripada gejala-gejala yang tidak sihat. Maka akan terbinalah masyarakat Malaysia budiman yang bersatu padu seperti yang diidamkan.

Bagi melengkapkan langkah dan arah untuk meramaikan khalayak, projek teater keliling akan dipergiatkan terutamanya di bandar-bandar yang mempunyai kemudahan pementasan yang dimiliki oleh Kementerian sendiri seperti di Alor Setar, Pulau Pinang, Ipoh dan Kuantan.

Kegemilangan persembahan seni teater secara menyeluruh akan lebih tercapai dengan terbinanya tiga buah lagi Taman Budaya Negeri dalam tahun 2001 nanti iaitu di Kangar, Seremban dan Kuala Terengganu. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru semua pihak yang bertanggungjawab memakmurkan budaya dan seni di peringkat negeri untuk bersedia dengan program-program yang berupaya memberi manfaat kepada generasi muda kita bukan hanya sebagai khalayak seni, tetapi berupaya mengambil bahagian yang aktif dalam pelbagai persembahan yang dirancang.

Sebagai penutup kata, saya menyeru kepada pemimpin-pemimpin pertubuhan budaya dan seni, para budayawan, aktivis dan peminat seni supaya dapat berganding bahu dengan para pentadbir budaya dan seni bagi menjadikan negara kita, Malaysia, sebuah pusat budaya dan seni yang unggul di Asia pada suatu hari nanti.

Sekian. Minda teater alaf baru.

HAJI MOHD ARIFF BINYUSOF
Setjusaha Bahagian
Bahagian Kebudayaan
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

SECRET MADAH



Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia yang terus memberikan sokongan terhadap perkembangan dan kemajuan teater tanah air dengan menganjurkan Pekan Teater ini sejak sepuluh tahun yang lalu.

Pekan Teater Kebangsaan 1999 ini merupakan kesiriambungan aktiviti teater dari seluruh negara untuk meningkatkan apresiasi teater di kalangan masyarakat, terutamanya dari aspek sastera dan estetika teater yang menghiburkan, tetapi menyalurkan pelbagai mesej dan pengajaran yang berguna. Semoga para penggiat teater, sama ada yang profesional, mahupun amatir akan dapat menimba pengalaman daripada pertandingan ini dan menjadikannya inspirasi dalam usaha menghasilkan karya-karya baharu, sama ada dari segi skripnya, mahupun dari aspek lain seperti aspek pengarah, teknik, set dan sebagainya yang memerlukan daya kreativiti yang tinggi demi mencapai mutu persembahan yang memuaskan. Dengan ini, akan bertambah luaslah lagi khalayak teater yang bakal menyemarakkan lagi kegiatan ber teater di negara ini.


Insya-Allah, Dewan Bahasa dan Pustaka akan terus memberikan sokongan dan kerjasama yang padu dengan pihak Kementerian dalam menganjurkan bersama Pekan Teater ini, demi untuk memartabatkan seni teater tanah air.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua kumpulan teater yang telah berjaya melayakkan diri ke pertandingan peringkat kebangsaan ini dan selamat bertanding. Harapan saya, prestasi persembahan teater pada tahun ini, lebih bermutu dari tahun-tahun sebelumnya.

Sekian.

HAJJA AZIZ DERAMAN
Ketua Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka

SECEBIS RASA



Pekan Teater Kebangsaan 1999 merupakan kesinambungan aktiviti teater tanah air dan suatu ujian akhir kepada kumpulan-kumpulan teater yang telah berjaya dalam Pekan Teater Peringkat Negeri dan Peringkat Zon. Pertandingan ini jelas menggambarkan usaha untuk mengembangkan serta memantapkan dan memberi ruang kepada kumpulan-kumpulan teater tanah air untuk terus berkarya dan bergerak cergas.

Sokongan yang padu daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, TEMA dan agensi-agensi lain, memberi ruang yang terbentang luas kepada kumpulan-kumpulan teater tanah air menjelang abad ke-21 untuk terus bergiat berasaskan paksi profesionalisme.

Sebagai presiden Majlis Teater Kebangsaan Malaysia (TEMA), saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada enam kumpulan teater yang telah berjaya melangkah ke Pekan Teater Kebangsaan 1999. Pekan Teater ini juga menjadi medan perhimpunan semua warga teater dan mewujudkan suasana "perkampungan teater" yang positif dan menyeronokkan.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia yang telah menganjurkan Pekan Teater ini dengan jayanya dan telah sudi melibatkan Majlis Teater Kebangsaan Malaysia untuk sama-sama berganding bahu dalam menjayakan Pekan Teater Kebangsaan 1999 yang meriah ini. Semoga kerjasama ini akan berterusan dan membuahkan hasil yang diharapkan.

Wassalam.

(ARJUNA @ MOHD NOORYUNUS)
Presiden
Majlis Teater Kebangsaan Malaysia (TEMA)

ATUR CARA MAJLIS PERASMIAN PEKAN TEATER KEBANGSAAN 1999

TARIKH	15 November 1999 (Isnin)
TEMPAT	Auditorium Tunku Abdul Rahman Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC), Jalan Ampang, KUALA LUMPUR
MASA	
8.00 malam	Para peserta mengambil tempat
8.15 malam	Ketibaan para jemputan
8.20 malam	Ketibaan Dif-dif Kehormat
8.25 malam	Ketibaan Y. Bhg. Dato' Iskandar Dzakurnain b. Badarudin Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
8.30 malam	Majlis Perasmian oleh: Y. Bhg. Dato' Iskandar Dzakurnain b. Badarudin Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
8.45 malam	Pementasan Teater Jamuan Ringan Bersurai

ATUR CARA MAJLIS PENUTUPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH PEKAN TEATER KEBANGSAAN 1999

TARIKH	20 November 1999 (Sabtu)
TEMPAT	Dewan Tunku Abdul Rahman Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC) Jalan Ampang Kuala Lumpur
MASA	
8.00 malam	Para peserta mengambil tempat
8.15 malam	Ketibaan para jemputan dan dif-dif kehormat
8.25 malam	Ketibaan Dato' Teng Gaik Kwan Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
8.30 malam	Pementasan Teater
	Acara Selingan
	Majlis Penyampaian Hadiah dan Cenderamata
	Jamuan Ringan
	Bersurai

JADUAL PEMENTASAN ENAM KUMPULAN TEATER YANG BERJAYA KE PEKAN TEATER KEBANGSAAN 1999

MALAM PERTAMA

15 November 1999
Drama "PENTAS OPERA" Karya Zakaria Ariffin
Grup Teater Badan Kebudayaan Dan Kesenian
Yayasan Warisan Johor,
Johor (Zon Timur)

MALAM KEDUA

16 November 1999
Drama "SASAU" Karya Hashim Yassin
Gabungan Anak Seni Teater
Universiti Teknologi Mara Cawangan Perak (GASTIP)
Perak (Zon Utara)

MALAM KETIGA

17 November 1999
Drama "TIKAR MENKUNANG HAMPARAN BULU"
Karya Abd. Talib Mohd Hassan
Grup Teater Terengganu,
Terengganu (Zon Timur)

MALAM KEEMPAT

18 November 1999
Drama "MAYAT" Karya Hatta Azad Khan
Grup Teater Kelab Sukan Dan Rekreasi Lahad Datu
Sabah (Zon Timur)

MALAM KELIMA

19 November 1999
Drama "MENCARI JUITA" Karya Siti Rohaya Atan
Grup Estetika, Universiti Utara Malaysia
Kedah (Zon Utara)

MALAM KEENAM

20 November 1999
Drama "KOSONG" Karya S.M. Noor
Grup Teater Ngoncong
Sarawak (Zon Tengah)

JADUAL SIDANG KEILMUAN PEKANTEATER KEBANGSAAN 1999

Tarikh : 15 – 19 November 1999
Masa : 8.00 pagi – 4.00 petang
Tempat : Auditorium Mini Matic, Jalan Ampang, Kuala Lumpur

Tarikh Masa	8.00 – 9.00 pagi	9.00 – 10.30 pagi	10.30 – 11.00 pagi	11.00 pagi 12.30 t/hari	2.00 – 4.00 petang
15.11.99	Latihan Amali Teater	Aspek Penontonan Teater	R	Aspek Penontonan Teater (sambungan)	Menonton Teater "Imbas" (ASK)
16.11.99	Latihan Amali Teater	Aspek Kritikan Teater	E	Aspek Kritikan Teater (sambungan)	
17.11.99	Latihan Amali Teater	Aspek Penulisan Skrip Teater	H	Aspek Penulisan Skrip Teater (sambungan)	
18.11.99	Latihan Amali Teater	Aspek Reka Bentuk, Penyediaan Set dan Prop	A	Aspek Reka Bentuk, Penyediaan Set dan Prop	
19.11.99	Latihan Amali Teater	Aspek Pengurusan Teater	T	Aspek Pengurusan Teater (sambungan)	

Tenaga Pembimbing: • Sdr. Zakaria Ariffin • Sdr. Zaini Oje @ Ozea
• Sdr. Kamarul A.R. • Sdr. A. Wahab Hamzah
• Sdr. A. Ghafar Abdullah • Sdr. Ibrahim Akir

HADIAH PEKAN TEATER KEBANGSAAN 1999

Juara	Wang Tunai RM 5000.00 Piala Pusingan Piala Iringan Sijil
Naib Juara	Wang Tunai RM 4000.00 Piala Iringan Sijil
Ketiga	Wang Tunai RM 3000.00 Piala Iringan Sijil
Pengarah Terbaik	Wang Tunai RM 2000.00 Piala Iringan
Pelakon Lelaki Terbaik	Wang Tunai RM 1000.00 Piala Iringan
Pelakon Wanita Terbaik	Wang Tunai RM 1000.00 Piala Iringan
Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik	Wang Tunai RM 500.00 Piala Iringan
Pelakon Pembantu Wanita Terbaik	Wang Tunai RM 500.00 Piala Iringan
Teknik Keseluruhan Terbaik	Wang Tunai RM 500.00 Piala Iringan

Imbas Kembali...

SENARAI PEMENANG PEKAN TEATER KEBANGSAAN '98

Juara

Grup Teater Ngoncong
Sarawak
Drama: **SAWO**
Karya: S.M. Noor

Naib Juara

Sanggar Seri Menanti
Selangor
Drama: **Sirih Bertepuk**
Pinang Menari
Karya: Nordin Hassan

Ketiga

Kumpulan Teater
Dewan Budaya USM,
Pulau Pinang
Drama: **Nasib**
Karya: Hatta Azad Khan

Pengarah Terbaik

Hajah Saptuyah Bolhi
(Grup Teater Ngoncong
Sarawak)

Pelakon Lelaki Terbaik

Ahmad Nizam Bahari
(Kumpulan Teater
Dewan Budaya USM
Pulau Pinang)

Pelakon Wanita Terbaik

Hajah Saptuyah Bolhi
(Grup Teater Ngoncong
Sarawak)

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik

Azman Md. Hasan
(Angkatan Karyawan Aktif
Kuala Lumpur)

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik


Rohaizan Dollah
(Sanggar Seri Menanti
Selangor)

Teknik Keseluruhan Terbaik


Haziz Wahab
(Grup Teater Ngoncong
Sarawak)




Grup Teater Ngoncong, Sarawak
Johan
Pekan Teater Kebangsaan 1999



Drama
"Sawo"
Grup Teater Ngoncong, Sarawak
(Johan)



Drama
"Sirih Bertepuk Pinang Menari"
Grup Teater Sanggar
Seri Menanti, Selangor
(Naib Johan)



Drama
"Nasib"
Kumpulan Kesenian
Dewan Budaya USM,
Pulau Pinang
(Tempat Ketiga)

JAWATANKUASA PENGANJUR PEKANTEATER KEBANGSAAN 1999

PENAUNG

Y. Bhg. Dato' Abdul Kadir b. Hj. Sheikh Fadzir
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

PENASIHAT

Y. Bhg. Dato' Iskandar Dzakurnain b. Badarudin
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Y. M. Dato' Tengku Alaudin Tengku'Abd. Majid
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Y. Bhg. Tuan Haji A. Aziz Deraman
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka

PENGERUSI

Tuan Haji Mohd Ariff b. Yusof
Setiausaha Bahagian Kebudayaan
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

SETIAUSAHA BERSAMA

Encik Othman b. Ahmad
Ketua Penolong Setiausaha (PPK)
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Encik Zaini b. Nyak Othman
Ketua Penolong Setiausaha (PGK)
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia


PENOLONG SETIAUSAHA

Cik Junaidah Haji Salleh
Penolong Setiausaha (PGK)
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

AHLI JAWATANKUASA

PANGGUNG NEGARA

Tuan Hj. Supiat Mukri
Pengaruh Panggung Negara
Puan Ramlah Amir



Drama
"Jangan Bunuh Rama-Rama"
Kelab Sukan dan Rekreasi
Lahad Datu,
Sabah



Drama
"Titik Mula Titik Akhir"
Angkatan Karyawan Aktif
(ANGKA)
Wilayah Persekutuan



Drama
"Tingginya Menyapu Awan"
Grup Teater Anak Melaka
(G-Team)
Melaka

AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Dr. Hatta Azad Khan

Pengarah Akademi Seni Kebangsaan

Cik Rosminah Tahir

Puan Raja Nor Sheela Raja Aziddin

BAHAGIAN KEBUDAYAAN

Encik Othman Ahmad

Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kebudayaan

(Cawangan Pengurusan dan Penyelarasan)

Encik Ghazali Bidin

Encik Che Kassim Mahmud

Encik Rodzuan Ismail

Puan Habsah Mohd Nordin

Encik Mohd Sukarno Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kebudayaan

(Cawangan Perhubungan)

Encik Rosli Osman

Puan Zubaidah Mukhtar

Encik Misran Mohd Yusop

Puan Haniah Hassan

Puan Hajah Norsiah Sabri

Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kebudayaan

(Cawangan Pemuliharaan)

Puan Fauziah Zakaria

Encik Ghazali Abdullah

Puan Zahana Bidin

Encik Zaini b. Nyak Othman

Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kebudayaan

(Cawangan Penggalakan)

Encik Hussin Yahaya

Encik Ridzuan Abdul Salam

Encik Abdul Manap Abdul Hamid

Encik Azimi Abd. Shukor

Encik Mohd Daud Nasir

PERLIS

Encik Ramli Salleh

Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis

Encik Ismail Hamdan

KEDAH

Encik Mohd Bisharuddin Mohd Nor Basha

Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kedah

Encik Mazlan Ahmad

PULAU PINANG

Encik Siri Neng Buah

Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pulau Pinang

Encik Mohd Bashri Ali Anas

PERAK

Encik Nawi Haji Adek

Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perak

Encik Hisham Haji Mat Husien

SELANGOR

Puan Sermaini Pien

Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Selangor

Encik Mohd Samsuddin Sirat

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Tuan Haji Sulaiman Yusof

Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Encik Mohd Azhar Abd Kadir

Encik Mohd Rizuan Kamaludin

Encik Badrul Hisham Mujib

Puan Angelai a/p Pakree

Cik Rafidah Mustapha

NEGERI SEMBILAN

Encik Raof Puteh

Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sembilan

Encik Samsurin Meli

MELAKA

Encik Baharuddin Haji Jamil

Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Melaka

Encik Farman Othman

JOHOR

Encik Mohamad Razy Mohamad Nor

Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor

Encik Zani Ismail

PAHANG

Encik Abdul Hamid Muhamad
Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pahang
Encik Norkhairi Othman

TERENGGANU

Encik Md Zin Haji Mohd Sahid
Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Terengganu
Encik Syed Idrus Syed Zain

KELANTAN

Encik Ismail Yusof
Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan
Encik Zainal Jaslan

SABAH

Encik Chua Tek Luwi
Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah
Encik Majid Sulaiman

SARAWAK

Puan Jemilah Mohd Siron
Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sarawak
Encik Abdul Hamid Abdul Aziz

MATIC

Puan Nurhijjah Alias
Pengurus Matic
Encik Lokman Abd. Ghani
Encik Mohd Amran Nasaruddin
Encik Abdullah Shukri
Encik Mohd Halimi Hassan
Encik Shahrizan Abd Razak
Encik Nazrim Abdullah
Encik Shahrulnizam Bakri
Encik Mohd Salleh Saad
Encik Jamar Ali
Puan Noormah Shaari
Cik Ismarozana Ismail

BAHAGIAN PENGURUSAN

Puan Norbaya Jamaludin
Encik Abd. Ghani Nordin
Encik Mazlan Othman
Puan Norziah Abdul Majid
Puan Ummi Kalsom Mat
Encik Mohd Sharif Khalilani
Encik Muszairan Mustafa
Mphd Jamill Mohd Ali

PETUGAS

Encik Haslan Mohd Nasir Abdullah
Puan Sanimah Ibrahim
Encik Othman Ahmad
Cik Zainah Hamijan
Puan Mariani Ahmad
Puan Roslinda Hashim
Encik Zaman Suleiman
Encik Zambri Muhammad

MAJLIS TEATER KEBANGSAAN

Encik Arjuna @ Mohd Noor Yunus
Presiden
Encik Kamaruzaman Hj Ibrahim (Kamarul)
Timbalan Presiden
Encik Ibrahim Akir
Naib Presiden
Encik Mohd Shukor Yon
Setiausaha Agung
Puan Faziah Sulaiman
Penolong Setiausaha
Encik Mohd Ariffin Mohd Noor
Bendahari
Ahli Jawatankuasa
Encik Che Azhar Ibrahim (Pahang)
Encik Othman Zaharuddin Harun (Terengganu)
Tuan Haji Ramlee Salikon (Johor)
Tuan Haji Md Said Haji Nordin (Selangor)
Encik Md Yusof Akib (Selangor)
Encik Zulkifli Ismail (Wilayah)
Puan Wan Sofee Megat Ahmad (Wilayah)
Puan Zaiton Hussin (DBP)
Puan Aminah Raphor
Encik Jammudin Idris

Ex Officio

Cik Junaidah Haji Salleh (KKKP)
Encik Lokman Ghani (MATIC)

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Tuan Haji Hamdan Yahya
Pengarah Jabatan Sastera
Tuan Haji Hamzah Hamdani
Ketua Bahagian Pengembangan Sastera Kebangsaan
Puan Zaiton Hussin
Pegawai Bahagian Pengembangan Sastera Kebangsaan
A. Wahab Hamzah
Pengerusi Badan Budaya DBP
Encik A. Ghafar Abdullah
Setiausaha Badan Budaya DBP

PENERBITAN

Encik Azman Khamis
Encik Jalaludin Hamri
Encik Mohd. Sham Osman
Encik Wan Safuan Wan Ahmad

PANEL PENILAI PEKAN TEATER 1999

Peringkat Kebangsaan

KETUA PANEL PENILAI

Tuan Hj. Supiat Mukri

AHLI-AHLI PANEL PENILAI

Encik Othman Hj. Zainudin
Cik Normah Nordin
Encik Ku Seman Ku Hussein
Cik Husner Ahmad

Peringkat Zon

KETUA PANEL PENILAI

Prof. Datin Dr. Rahmah Bujang

AHLI-AHLI PANEL PENILAI

Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Napiah
Tuan Haji Matari Abd. Rahman
Encik Ahmad Tamimi Seregar
Puan Aminah Raphor

PENGHARGAAN

Jawatankuasa Penganjur Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada;

Q Caterer
Creative Holiday
Roselinda Catering
Polis DiRaja Malaysia
Badan-Badan Seranta
Wartawan-Wartawan
Instant Office Services
Percetakan Asni Sdn. Bhd.
Dewan Bahasa dan Pustaka
Persatuan-Persatuan Teater
Concorde Hotel Kuala Lumpur
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

dan

Agensi-Agensi Kerajaan dan Swasta

serta

orang perseorangan yang telah bekerjasama memberi sokongan tenaga dan masa secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini

T E R I M A K A S I H

KHUSUS UNTUK AKTIVIS-AKTIVISTEATER

Pemain

orang yang memberi sumbangan sebagai pelaku sesebuah persembahan seperti penulis skrip, pengarah, pelakon, pemuzik dan pembantu teknik persembahan.

Kawasan lakonan

ruang yang ditentukan sebagai kawasan untuk mengesahkan mesej atau tema sesuatu kisah yang dipentaskan.

Aksi dramatik

pengolahan dan pengerjaan kisah atau apa yang dapat dikesankan oleh penonton daripada penampilan pelakon yang beraksi dalam kawalan ruang berlakon yang diperuntukan kepadanya.